

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MARCH 2015

Najib terima ^{UM} kunjungan - 17/3/2015 hormat Menteri Pertahanan UK

KUALA LUMPUR 16 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan hormat Menteri Pertahanan (Peralatan, Sokongan dan Teknologi) United Kingdom, Philip Dunne di Bangunan Parlimen, di sini.

Ketibaan Dunne diiringi Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia, Victoria Treadell pada 11.45 pagi disambut mesra oleh Najib.

Najib dan Dunne kemudiannya mengadakan perbincangan tertutup selama 30 minit di pejabat Perdana Menteri.

Kunjungan Dunne ke negara ini bersempena pertunjukan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '15) yang dijadual berlangsung dari 17 hingga 21 Mac.

Selain pertunjukan aerobatik, LIMA '15 turut menganjurkan seminar dan program hari kerjaya kepada pengunjung. - BERNAMA



NAJIB TUN RAZAK menerima kunjungan hormat Philip Dunne di pejabatnya di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA